

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 39 RABU 27 SEPTEMBER, 1967. 1387 رابو 22 جمادي الاخير PERCHUMA

Sorak Daulat Tuanku bergema Baginda seru raayat “berkorban kerana negara”

BANDAR BRUNEI. — Satu Istiadat perbarisan telah di-adakan pada pagi 23 September, 1967 di-hadapan bangunan Pejabat Setia Usaha Kerajaan di-Bandar Brunei untuk menandakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bagi kali yang ke-51. Pasokan2 yang telah mengambil bahagian dalam perbarisan itu ia-lah terdiri dari pasokan2 Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pasokan Pulis Di-Raja Brunei dan Pasokan Gurkha Rifle.

Tujuh buah pertubohan awam, kakitangan2 Jabatan Laut, Kastam, Pasokan Bomba, Palang Merah, Pengakap, Pandu Puteri dan Boys Brigade telah juga mengambil bahagian dalam perbarisan itu. Kanak2 dari sekolah2 di-kawasan Bandar Brunei telah berbaris di-sekeliling padang. Orang2 yang pertama tiba kerana istiadat perbarisan yang telah di-mulakan pada pukul 7-30 itu ia-lah Pesuruhjaya Pulis bersama2 dengan Pegawai2 Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pasokan Gurkha.

Mereka di-ikuti oleh Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Pemangku Menteri Besar, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir dan Pesuruhjaya Tinggi British. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah berangkat tiba pada pukul 8-08 untuk memerksa dan membalas tabek kehormatan. Dengan ada-nya istiadat perbarisan itu maka bermula-lah ranchangan rasmi bagi perayaan2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan. Sa-lepas istiadat perbarisan itu Duli Yang Maha Mulia telah menyampaikan titah ucapan dari Balai Singgahsana pada pukul 10-00 dan menerima ucapan ta'at setia dan tahniah dari ketua Pertadbiran, Pesuruhjaya Tinggi British dan Keluarga Di-Raja. Dalam titah baginda, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menyeru raayat di-negeri ini supaya memberikan


segala kerjasama dan tenaga serta pengorbanan demi mempertahankan keamanan dan keselamatan negara dan berhati2 dalam usaha mengharumkan nama baik bagi kepentingan Negeri ini. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bertitah bahawa berbagai2 projek perkembangan, walau pun sederhana bentuknya, namun merupakan langkah pertama sa-tapak demi sa-tapak dalam usaha Kerajaan untuk memperbaiki taraf hidup raayat, dan mencapai keamanan dan kema'amoran negara. Ada-lah menjadi hasrat dan tujuan kerajaan serta hasrat dan tujuan Baginda bahawa

tiap2 sa-saorang di-negeri ini akan dapat hidup bahagia dalam keadaan aman damai dan ma'amor. Menyentuh tentang projek2 perkembangan yang berjalan sekarang dan projek2 perkembangan di-masa2 depan sama ada kechil mahu pun besar, Kerajaan, titah Baginda adalah memberikan keutamaan kapada projek2 tersebut, dan pelaksanaan-nya akan di-percepatkan jika projek2 itu benar2 mendatangkan faedah kapada raayat. Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda sa-terusnya bertitah: untuk meni'mati faedah2 dari projek2 itu, adalah menjadi tanggung-jawab

(Lihat muka 8)

Duli Pengiran Muda Mahkota pulang ka-tanah ayer

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah semalam telah berangkat pulang ka-tanah ayer dari London. Di-lapangan terbang Berakas, Yang Teramat Mulia itu telah di-sambut oleh pembesar2 negara, ketua2 jabatan dan pegawai2 Pentadbir Brunei serta orang2 kenamaan untuk mengalu2kan keberangkatan Yang Teramat Mulia itu ka-tanah ayer. Yang Teramat Mulia itu di-sertai oleh adinda-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mohamad Bolkiah.



Dalam gambar atas kelihatan Paduka Seri Baginda sedang membalas tabek kehormatan dari atas sa-buah pentas khas.

Upachara sembahyang Juma'at di-mulakan di-Masjid Sufri Bolkiah

sekitar Kampong Ayer telah beramai2 menyertai ranchangan itu dan mereka pada masa ini hidup dalam lingkungan suasana baru dengan perumahan2 yang moden.

Kebanyakan penghuni2 di-Kampong Perpindahan Berakas itu telah mengusahakan tanah2

yang di-berikan kepada mereka dengan memperoleh hasil yang baik.

Kampong baru yang di-dirikan di-bawah ranchangan perpindahan sekarang ini di-kenal dengan Kampong2 Burung Pingai Baru, Kampong Jaya Setia dan Kampong Jaya Bakti.



Gambar atas kelihatan bangunan baru Masjid Sengkurong yang sedang dalam kerja2 menyiapkan-nya. Masjid baru ini telah menelan belanja pembenaan-nya sa-banyak \$22,000.00.



Gambar atas menunjukkan bangunan lama Masjid Sengkurong yang segera akan di-rubuhkan apabila sempurna kerja2 menyiapkan bangunan baru-nya. Ini-lah bangunan masjid yang tertua sekali yang di-bena dalam Daerah Brunei dan Muara. Masjid lama ini telah di-dirikan kira2 40 tahun yang lalu dan perkakas2 pembenaan-nya ketika itu kebanyakan-nya di-gunakan dari bekas rubohan perkakas2 masjid lama yang di-dirikan di-Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei.

BERAKAS — Penduduk2 tiga buah kampong, Jaya Setia, Jaya Bakti dan Burung Pingai Baru telah beramai2 menunaikan sembahyang fardhu Juma'at di-masjid baru yang di-bena khas di-ranchangan Perpindahan Berakas, pada minggu lepas.

Masjid tersebut telah siap baru2 ini dan telah di-serahkan kepada Jabatan Hal-Ehwal Ugama oleh Pegawai Perpindahan bagi Kampong Ayer.

Masjid yang berbentuk moden itu telah di-beri nama Masjid Sufri Bolkiah ia-itu mengambil sempena salah sa-orang putera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Dari hari Juma'at, 22 September itu, maka upachara2 sembahyang Juma'at bagi penduduk2 di-sekitar kawasan Perpindahan itu akan di-adakan di-masjid tersebut.

Kebanyakan penduduk2 di-kawasan Kampong Perpindahan itu ada-lah bekas penduduk2 yang dulu-nya tinggal di-Kampong Ayer.

Sejak ranchangan perpindahan itu di-adakan, penduduk2 di-

Tambahan Kastam di-tutup

BANDAR BRUNEI. — Tambatan Bandar Brunei akan di-tutup kepada semua perkapalan dari pukul 12-00 tengah hari pada hari Juma'at 29 September hingga 6-00 pagi pada hari Ahad 1 Oktober 1967.

Semua kapal2 dan perahu hendak-lah di-pindahkan dari tambatan pada pukul 12-00 tengah hari dan semua barang2 hendak-lah di-pindahkan daripada tambatan pada pukul 3-00 petang hari Juma'at 29 September, 1967.

Kerja2 biasa di-tambatan itu akan di-sambong semula pada pukul 6-00 pagi hari Ahad 1 Oktober, 1967.

Pengarah Laut Awang Jack Turner berkata, tambatan Bandar Brunei akan di-jadikan tempat berlangsung-nya perlumbaan perahu dan moto sangkut pada 30 September, dan Pertandingan Perarakan Berchuchol Di-Ayer pada sabelah malam untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Pemimpin2 Belia ka-K. Kubu

BANDAR BRUNEI — Empat orang pemimpin belia termasuk sa-orang wanita telah berlepas ka-Malaysia Barat pada minggu lepas kerana menjalani latihan pimpinan belia di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan di-Kuala Kubu Bahru.

Empat orang pemimpin itu ia-lah Awang Haji Mashud bin Awang Damit, Awang Abdul Hamid bin Ismail, Awg. Abdul Rahman bin Karim dan Dyg. Malai Hamidah binte Sheikh Nikman.

Mereka akan berada di-Kuala Kubu Bahru sa-lama tiga minggu.

Sa-orang juruchakap bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat berkata, empat orang pemimpin belia yang pergi ka-Kuala Kubu Bahru dalam bulan lepas telah kembali ka-tanah ayer pada hari Isnin lalu sa-lepas menamatkan kursus mereka.

Mereka itu ia-lah Awang Ismail bin Ibrahim, Awang Muslim Burmat, Awg. Asbin bin Mailin dan Awg. Abdul Rahim bin Wali.

Jabatan Kebajikan telah menghantar lima kumpulan empat orang tiap2 kumpulan kerana latehan di-Malaysia Barat dalam tahun ini.

Ia-nya berharap akan menghantar dua kumpulan lagi sa-belum penghujung tahun ini.

Ketua Kampong Panchur Papan di-pileh

TUTONG. — Penduduk2 Kampong Panchur Papan, Panchur Duit, Kampong Suran, Bukit Bendera dan Pekan Tutong dalam minggu lalu telah menchalunkan Awg. Morshidi bin Mohammad sa-bagai bakal Ketua Kampong mereka bagi Kampong Panchur Papan.

Penchalunan itu telah di-adakan dalam satu perhimpunan kerana tujuan tersebut di-bilek persidangan Pejabat Daerah Tutong.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh turut hadir dalam perhimpunan itu.

Pengiran Othman berkata, jika kerajaan meluluskan perlantikan Awang Morshidi, beliau merupakan Ketua Kampong yang pertama bagi kampong2 itu.

Menurut peratoran2 yang menguruskan perlantikan sa-sa-orang ketua kampong, nama yang di-chalunkan itu hendak-lah di-serahkan kepada kerajaan untuk di-siasat.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 27 Sept. 1967 hingga ka-hari Selasa 3 Oktober, 1967 ada-lah saperti bi-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
27 Sept.,	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08	
28 Sept.,	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08	
29 Sept.,	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08	
30 Sept.,	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08	
1 Oct	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07	
2 Oct	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07	
3 Oct	12-16	3-33	6-17	7-31	4-35	4-50	6-07	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembhyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Hari Peladang bagi Daerah Brunei dan Muara hasil kerja tangan orang2 tahanan menarik perhatian

BANDAR BRUNEI. — Penulong Menteri Pertanian Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh telah merasmikan pembukaan Pertunjukan Pertanian bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung sa-lama dua Hari bertempat di-Sekolah Melayu SMJA, Bandar Brunei pada 22 September.

Pertunjukan Pertanian itu di-sifatkan sa-chara rasmi sa-bagai Hari Peladang dan bertujuan untuk menghimpunkan peladang2 di-daerah itu supaya dapat bertukar2 fikiran dan pendapat serta membincangkan masa'alah pertanian yang di-hadapi bersama.

Pengiran Damit menyatakan bahawa Hari Peladang bagi Daerah Brunei dan Muara ada-lah julong2 kali di-adakan sejak terbentuk-nya beberapa buah persatuan2 peladang di-negeri ini.

Hari Peladang itu di-adakan sa-bagai sempena menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan merupakan sa-bagai salah satu dari acara2 dalam ranchangan perayaan2 sambutan Hari Keputeraan itu.

Tujuan utama mengadakan temasha itu ia-lah untuk menggalak dan mendorong ahli2 Persatuan2 Peladang khas-nya dan peladang2 'am-nya supaya mereka bertambah2 giat dan benar2 berazam mengusahakan dan memperbaiki tanah ladang mereka.

TARAF HIDUP

Penulong Menteri itu menggesa peladang2 di-negeri ini supaya menanam dengan lebeh banyak lagi bahan2 makanan dan memelihara binatang2 ternakan dan ayam itek untuk menambahkan pendapatan dan

meninggikan taraf hidup mereka.

Hari Peladang itu di-anjarkan oleh Jabatan Pertanian dengan menjadikan 50 buah bilek darjah kepada gerai2 untuk menempatkan barang2 yang di-pamerkan.

Pihak utama yang mengambil bahagian dalam pameran itu ia-lah Persatuan2 Peladang yang telah mengambil sa-banyak 15 buah gerai.

HASIL TANI

Jabatan Pertanian menggunakan beberapa buah gerai untuk mempamerkan hasil mahsul tani terutama padi, getah, kerbau lembu, ayam itek yang di-bawa dari pusat perhubungan.

Kerja2 kerajinan tangan orang2 tahanan dan orang salah turut juga di-pamerkan dalam pertunjokan itu dan telah menarek minat orang ramai.

Barang2 pertunjokan di-Hari Peladang telah di-hakimkan sa-belum pameran itu di-

buka.

Persatuan Peladang Sengkuring telah memenangi piala perak dan wang tunai \$300 kerana gerai yang terbaik sekali di-pameran itu.

Persatuan tersebut juga memenangi perisai yang di-hadiahkan oleh Pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof b. Pengiran Haji Abdul Rahim.

Hadiah kedua, wang tunai sa-banyak \$200 dan piala perak telah di-menangi oleh Persatuan Peladang Kampung Masin dan Persatuan Peladang Kampung Mulaut yang mendapat tempat ketiga telah di-hadiahkan dengan sa-buah piala perak dan wang tunai

\$150.

Hadiah2 sagu hati sa-banyak \$50 telah di-hadiahkan kepada 15 buah persatuan yang mempamerkan barang2 di-pertunjukan itu.

Satu pertunjokan yang sarupa telah di-adakan di-padang KBRC Kuala Belait pada 23 September, 1967 bagi peladang2 dalam daerah Belait.

HARI PELADANG DI-TUTONG

Pertunjukan Hari Peladang bagi Daerah Tutong akan di-adakan di-Bukit Bendera pada 30 September.

Semua barang2 yang di-pamerkan dalam pertunjokan tersebut, ada-lah untuk di-jual kepada umom tetapi boleh di-bawa pulang hanya sa-lepas tamat-nya pameran itu.



Penulong Menteri Pertanian, Yang Berhormat Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh sedang memotong pita bagi merasmikan pembukaan Hari Peladang yang di-langsungkan di-Sekolah Melayu SMJA, Padang.

Telaga minyak yang pertama di-korik pengurikan 18 buah lagi akan di-lakukan

SERIA — Telaga minyak yang pertama di-korik dari pelantar ADP-2 yang baru sahaja di-siapkan dalam kawasan Barat Daya Ampa telah selesai di-korik pada hari Selasa lepas.

Telaga itu terletak kira2 7½ batu dari pantai Kuala Belait akan di-kenal sa-bagai Barat Daya Ampa 36.

Barat Daya Ampa 36 merupakan sa-buah telaga yang jauh terpisong.

Sa-orang juruchapak Sharikat Minyak Shell Brunei berkata, sa-belum telaga minyak itu selesai di-korik sa-buah telaga ayer telah di-korik terlebih dahulu untuk mengadakan ayer yang di-perlukan untuk melanjutkan kerja2 mengorik itu.

Ayer di-telaga itu akan sampai sa-jauh 608 kaki dalam, dan dapat di-siapkan dalam

masa dua hari.

Pengeluaran ayer di-katakan memuaskan juga.

Juruchapak itu menambah kata, bahawa sa-lain dari Barat Daya Ampa 36, sa-jumlah 18 buah telaga akan di-dapati dari pelantar ADP-2, tetapi angka telaga yang tepat yang dapat di-korik dari Pelantar ini adalah bergantung kepada hasil2 penyiasatan yang di-perolehi nanti.

Satu majlis makan tengah hari bertempat di-atas pelantar tersebut telah di-adakan pada hari itu sa-bagai menandakan tamat-nya kerja2 mengorik Barat Daya Ampa 36 itu.

Majlis tersebut telah di-hadiri oleh Awang L. C. Van Wacham, ketua pentadbiran bahagian teknikal bagi sharikat BSP serta lain2 pegawai teknikal kanan sharikat itu.



Dalam gambar atas, Yang Berhormat Penulong Menteri Pertanian sedang menyampaikan piala kemenangan gerai yang terbaik dalam pertunjokan Hari Peladang yang di-menangi oleh Persatuan Peladang Kampung Sengkuring.

27 SEPTEMBER, 1967

TITAH DARI SINGGAHSANA

TARIKH 23 September, 1967 telah pun berlalu dan pada hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ka-51 itu telah membekalkan diri kita dengan berbagai2 perasaan yang baru, azam dan titik yang baru yang khusus untuk menggembeling tenaga bagi memesatkan kemajuan Brunei.

Dari Singgahsana, Duli Yang Maha Mulia sendiri telah menyatakan kegembiraan Baginda tentang berjenis2 projek pembinaan yang besar yang telah dan akan di-laksanakan yang hubungan2-nya berpaut rapat dengan kebahagiaan dan kemamoran negara.

Baginda menumpahkan harapan agar projek2 itu akan dapat di-segerakan dan di-utamakan pelaksanaan-nya dengan penoh usaha dengan menggunakan kebijaksanaan dan kemahiran dengan laila hasrat hati pada mendapatkan buah nasihat dari laila pakar yang sa-benarnya.

"Tujuan yang mustahak Kerajaan dan beta sendiri ia-lah untuk melihat negara kita yang mengandongi isi dalam-nya aman dan tenteram, bahagia maamor dan laila sentosa".

Di-segi perkembangan pelajaran harus-lah kita sama2 mempelajari dan memahami titah Baginda dari Singgahsana itu dan kesedaran harus kita kuasai pada mendukung chita2 Baginda yang amat besar dan agong itu.

"Beta dengan sa-sungguh-nya ingin berseru kepada anak2 yang mendudoki di-bangku sekolah, pemuda pemudi yang telah lulus supaya berhatit2 dan mempelajari laila ilmu pengetahuan, mempelajari ilmu atau mata pelajaran dan berlateh pada membiasakan ilmu pengetahuan mata pelajaran sa-telah lulus, maka pengetahuan dan ilmu pelajaran kamu demi untuk faedah atau untuk kepentingan negara."

"Dengan ada-nya ilmu pengetahuan di-badan kamu bukan hanya mendatangkan laila faedah yang munafakat kepada negara, tetapi juga akan membolehkan kamu pada berusaha bagi melaksanakan tugas2 kamu dengan sempurna dan laila terator pada khas dan pada umumnya."

Titah Baginda di-atas perlu di-patohi oleh pelajar2 dan pemuda pemudi atau orang2 yang di-bekalkan ilmu pengetahuan supaya membukakan pandangan luas terhadap maksud utama Baginda.

Sa-benar-nya, kita memang-lah mengetahui tentang kepentingan satu2 mata pelajaran itu, tetapi tidak pula di-nafikan ada di-antara kita hanya menerima pelajaran itu sa-bagai satu perkara bisa saja.

"Kelimat berlateh pada membiasakan ilmu pengetahuan" itu mengandongi satu maksud yang khusus ia-itu kita harus-lah mempraktikkan diri kita selaras dengan ilmu pengetahuan yang kita kejar dan perolehi dan amat-lah tidak wajar kalau ilmu pengetahuan itu di-gunakan pula di-jurusan2 yang lain yang sama sekali tidak bersangkut paut dengan pengalaman dan pengetahuan diri kita sendiri.

Sultan yang menumpukan perhatian untuk kesenangan raayat sa-orang Sultan yang pemurah



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.



D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Raja Isteri.

SELUROH raayat dan penduduk Negeri Brunei Darus Salam di-sepanjang minggu lalu dan hingga awal bulan Oktober merayakan Hari Ulang Tahun Keputeraan Ka-51 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan ia-itu Sultan yang kasih kapada raayat dan Sultan yang di-kasihi raayat.

Duli Yang Maha Mulia, Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin Sa'du Khairu Waddin, Ibnu Al-Marhum Sultan Mohammad Jamalul Alam, D.K., P.S.P.N.B., P.S.N.B., P.S.L.J., S.P.M.B., D.M.N., D.K. (Kelantan), D.K. (Johore), D.K., (Selangor), K.C.M.G., Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei serta sekalian jajahan taklok rantau dan pesisir-nya, telah di-puterakan pada 23 September, 1916.

Baginda telah menaiki takhta Kerajaan pada bulan Jun, 1950 apabila Paduka Kekanda Baginda, Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin mangkat.

Baginda telah di-mahkota-kan dalam satu istiadat yang penoh dengan kebesaran Di-Raja sejak turun temurun pada tahun 1951 sa-bagai Sultan Negeri Brunei yang ka-28.

Baginda telah mendapat pelajaran di-Malay College Kuala Kangsar Malaya, ia-itu sa-buah maktab yang terkenal sejak sa-belum perang hingga ka-hari ini. Kemudian Baginda telah berkhidmat sa-bagai sa-orang pegawai tinggi Kerajaan dalam berbagai2 jabatan di-negeri ini.

Pada tahun 1947 Baginda telah di-tabalkan menjadi Duli Pengiran Bendahara dan dilantik menjadi sa-orang ahli Majlis Mashuarat Negeri. Kerana itu tidak hairan kalau Baginda mempunyai kebijaksanaan dalam soal2 pentadbiran pemerintahan.

Pada tahun 1941, Baginda telah Berijab-Qabul dengan Pengiran Anak Damit yang sekarang terkenal dengan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Isteri.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Raja Isteri ia-lah adinda kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara yang ada sekarang ini.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Raja Isteri mempunyai empat orang putera dan enam orang puteri.

Demi untuk kebaikan raayat dan negara dalam menuju perkembangan dan pembangunan, Baginda tetap memelihara hubungan yang rapat dengan raayat Baginda. Baginda sering berangkat ka-daerah2 pendalaman negeri ini dan baginda juga telah melawat beberapa buah negara besar di-dunia untuk melihat kemajuan dan perkembangan di-negara2 itu untuk di-lancharkan pula di-negeri Brunei.

Di-bawah pemerintahan Baginda yang adil dan saksama dan dengan azam Baginda yang kuat sepanjang masa, Brunei terus maju dari sa'at ka-sa'at, maju dalam artikata yang dapat di-nikmati oleh sa-genap lapisan raayat Baginda.

Baginda ada-lah sa-orang Sultan yang kuat berpegang kapada Ugama dan buat pertama kali di-bawah pemerintahan sa-orang Sultan, tertergak Masjid yang teragong di-negara Darus Salam ini salah sa-buah masjid yang terbesar

dan terindah di-bahagian dunia sa-belah sini.

Di-bawah pemerintahan Baginda, kemajuan2 di-lapangan pelajaran2 Ugama dan lapangan2 pelajaran yang lain telah semakin meningkat maju baik yang bertapak di-daerah2 pendalaman, apa lagi yang bertapak kukoh di-bandar2.

Baginda di-kenali oleh raayat dan penduduk negeri ini, bukan saja mengenali wajah Baginda sa-bagai sa-orang Sultan yang gemar berdamping dengan raaya t — mengenali Baginda sa-bagai Sultan yang pemurah, ramah dan mesra.

Apabila tiba sa'at2 Hari Raya, nampak-nya tidak-lah sempurna bagi diri Baginda berhari raya kalau tidak bersama2 dengan raayat Baginda. Pada sa'at itu, sering kali Baginda berangkat melawat raayat di-kampung2 dan di-samping itu Istana Baginda terbuka kapada seluroh raayat, kechil besar, tua muda, lelaki perempuan, kaya miskin, malah bagi sa-genap lapisan raayat. Dan berhari raya-lah raayat dengan Baginda — tangan bersalam, senyum ikhlas bermain di-bibir dan penoh-lah perasaan berhari raya antara raayat dengan Baginda.

Ini-lah pembawaan sa-orang Sultan yang sukar di-chari. Kita tidak-lah dapat mentafsirkan sikap dan pembawaan Baginda ini dengan tepat, tetapi apa yang dapat di-katakan ia-lah Baginda ada-lah sa-orang Sultan yang berdarah Raja ber-

(Lihat muka 5)

**Pemangku
Menteri Besar
seru raayat
supaya amalkan
sumpah
taat setia**

SERIA. — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof telah menyeru raayat dan penduduk negeri ini yang telah menyembahkan sumpah ta'at setia terhadap Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Kerajaan Baginda supaya membuatkan satu amalan dan bukan hanya di-dahirkkan dengan perkataan2 saja.

Yang Amat Berhormat itu menegaskan bahawa Kerajaan Baginda memang-lah sentiasa memerhatikan kepentingan2 yang akan mendatangkan kebajikan dan kemaamoran kepada seluruh raayat di-negeri ini.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap di-majlis jamuan bagi meraikan Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda yang di-anjorkan oleh Kelab Melayu Setia pada hari Ahad yang lalu.

Yang Amat Berhormat itu sa-terus-nya menyatakan rasa bangga beliau terhadap kenyataan2 yang telah di-lakukan oleh penduduk2 di-Daerah Belait yang menunjukkan bahawa mereka ada-lah berdiri tegoh pada menumpahkan ta'at setia terhadap baginda dan Kerajaan.

Beliau juga menyatakan tentang projek2 kemajuan yang telah di-buat oleh Kerajaan yang sa-hingga hari ini telah pun dapat di-nikmati oleh seluruh lapisan raayat.

Yang Amat Berhormat itu mengambil chunthod dari perkhidmatan2 bekalan listrik di-negeri ini yang di-tegaskan beliau bukan hanya di-bekalkan sa-takat di-bandar2 saja, bahkan dewasa ini sudah pun masuk ka-kampung2 dan kawasan2 di-luar bandar.

Beliau menekankan sekali lagi bahawa dasar utama bagi mengujudkan ranchangan2 kemajuan bukan-lah hanya untuk sa-gelintir manusia saja, bahkan meliputi seluruh penduduk negeri.

Di-Padang Besar malam ini

BANDAR BRUNEI — Di-Padang Besar malam ini, Persatuan BAKTI akan mengadakan pertunjukkan pentas — di-Pentas Belia2 kerana merayakan Hari Ulang Tahun Keputeraan Paduka Seri Baginda. Kebangsaan China pula akan menunjukkan pementasan kesenian dan kebudayaan mereka di-Pentas Antara Bangsa.

Paduka Seri Baginda sa-orang Sultan yang periang

(Dari muka 4)

jiwa raayat. Kerana itu-lah barangkali Baginda merasa apa yang di-rasai oleh raayat Baginda — dan, kerana itu juga bila raayat menghadapi kesusahan, maka Baginda juga akan merasa kemashghulan.

Beberapa sejarah penting bagi negara dan raayat, hasil dari kebijaksanaan Baginda telah terchapai sejak Baginda menaiki takhta Kerajaan.

Di-antara sejarah yang penting sekali ia-lah perjuangan Baginda mendapatkan sa-buah perlembagaan bertulis yang pertama bagi Negeri Brunei. Dengan kejayaan Baginda ini, berubah-lah chorak pemerintahan dan taraf negeri ini kepada satu taraf yang lebih tinggi yang menjadikan Brunei berkerajaan sendiri dalam negeri. Jika banyak negara di-dunia ini yang sampai menumpahkan darah dan mengurbankan nyawa untuk mendapatkan taraf itu, tetapi Brunei dengan kebijaksanaan Baginda telah dapat menchapai-nya di-hujung pena saja.

Perjuangan Baginda untuk mendapatkan perlembagaan bertulis itu, tetap menjadi sejarah penting di-masa2 yang akan datang.

Pada 14 Mach, 1959, Baginda dengan di-iringi oleh 9 orang ahli Majlis Mashuarat Negeri dan sa-orang peguam telah berangkat ka-London kerana mengadakan rundingan dengan Setia Usaha Tanah Jajahan British yang pada masa itu di-pegang oleh Tuan Alan Lenox Boyd mengenai perlembagaan bertulis Negeri Brunei.

Sa-telah berunding di-London hampir dua minggu, maka tersebar-lah berita di-tanah ayer bahawa Baginda dan rombongan telah berjaya dalam perundingan itu dan akhir-nya Baginda berangkat pulang ka-tanah ayer dengan membawa segala kejayaan untuk raayat dan negara.

Dengan berkat dan daulat dan kebijaksanaan Baginda, akhir-nya perlembagaan tahun 1959 telah di-mashhorkan pada hari Rabu 29 September, 1959 bersamaan dengan 26 Rabiul Awal, 1379.

Baginda telah memashhorkan perlembagaan bertulis dan perjanjian baru dengan United Kingdom itu tepat pada pukul 12-30 tengah hari, sa-lepas istiadat menandatangani-nya di-Lapau Di-Raja Bandar Brunei.

Dalam istiadat yang bersejarah itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah menandatangani perlembagaan dan surat2 perjanjian hari itu sa-bagai Ketua Negara Brunei, sementara bagi pihak United Kingdom telah di-wakili oleh Pesuruhjaya Agong British

bagi Asia Tenggara, Sir Robert Scott dan wakil Gabnor Sarawak, Tuan F. K. Jakeway.

Jenis2 perjanjian itu ia-lah:

1. Perjanjian baru antara Brunei dengan United Kingdom.
2. Perlembagaan Negeri Brunei.
3. Pemashhorkan Majlis Mengangkat Raja dan Melantek Pemangku Raja.
4. Perjanjian percheriaan pertadbiran Brunei dengan Sarawak.
5. Perjanjian mengenai pegawai2 sa-berang laut.

Brunei ada-lah sa-buah negara tua yang penoh dengan sejarah kebesaran raja-nya turun temurun — penoh dengan Adat Istiadat seni dan kebudayaan.

Kira2 1,500 tahun dahulu, Brunei telah memainkan peranan yang teragong dan romantik dalam sejarah-nya. Semantara kerajaan2 besar dahulu kala harum nama-nya ka-pelusok dunia, seperti Rome, Majapahit dan Melaka Tua telah terhempas kemudian-nya, namun Brunei tetap berjaya memelihara kedudukannya hingga ka-hari ini walaupun Brunei pada masa ini merupakan sa-buah negara kecil, namun ia-nya merupakan sa-bentuk permata yang bergemerlapan.

Brunei telah meningkat menjadi kuasa besar yang terkenal pada awal kurun ka-16. Salah sa-orang dari Raja-nya, ia-itu Sultan Bolkiah yang terkenal sa-bagai Nakhoda Ragam telah merentas lautan, berangkat menjelajah hingga ka-Jawa dan Melaka.

Beberapa buah pulau yang bertaburan di-daerah kepulauan sa-belah sini di-katakan telah di-beri nama kerana memperingati pelayaran Baginda itu.

Penduduk Negeri Brunei terdiri dari beberapa puak yang pada garis besar-nya terbahagi kepada 7 kelompok ia-itu puak2 Brunei, Kedayan, Dayak, Murut, Tutong, Belait dan Dusun. Puak2 ini terdiri dari 80 peratus jumlah penduduk Brunei dan sa-lebih-nya ia-lah orang2 China, India, Eropah dan lain2.

Menurut banchi tahun 1960, penduduk negeri ini berjumlah 83,877 orang. Kira2 32,000 di-Daerah Belait; 11,000 di-Daerah Tutong, lebih 37,500 di-Daerah Brunei dan hampir 4,000 orang di-Daerah Temburong.

Sekarang mungkin jumlah

penduduk Brunei lebih 100,000 orang yang berbahagia hidup di-bawah pemerintahan Baginda.

Brunei ada-lah terkenal dengan hasil minyak-nya yang menjadikan Brunei sa-bagai sa-buah negara yang aman dan makmor. Minyak telah di-jumpai di-Seria pada tahun 1929 dan pada tahun 1956 telah membuat penghasilan yang paling tinggi sekali dengan mengeluarkan sa-jumlah 115,000 drum sa-hari tetapi kemudian-nya penghasilan itu telah bertambah kurang. Namun demikian ia tetap merupakan hasil negara yang terbesar. Sejak sharikat minyak BSP menggiatkan usaha-nya menyelidek dan menggali telaga minyak di-perayeran Brunei mulai dari tahun 1963 penghasilan minyak telah naik semula dan pada masa ini meningkat kepada 100,000 drum sa-hari, sa-telah merosot kepada kira2 60,000 drum tidak beberapa tahun dahulu.

Baginda juga ada-lah terkenal sa-bagai sa-orang Sultan yang periang dan sa-hingga ini Baginda telah menyempurnakan tiga istiadat perkahwinan putera dan puteri2 baginda yang melibatkan seluruh raayat sama menchurahkan perasaan kerierangan bagi mengalu2kan istiadat2 yang penoh dengan 'Adat Istiadat Di-Raja turun temurun itu.

Baginda telah dapat menuaikan fardhu haji ka-Mekah sa-banyak dua kali ia-itu dalam tahun2 1951 dan 1961.

Sa-hingga hari ini dengan kebijaksanaan pemerintahan Baginda Brunei telah melangkah ka-ambang kemajuan yang lebih pesat, terutama di-bidang2 kemajuan dan pembangunan negara yang bersifat raksasa dan raayat sentiasa hidup dalam lingkungan suasana aman dan makmor serta bahagia.

Ka-persidangan Bahasa2 Asia

BANDAR BRUNEI. — Dua orang perwakilan Brunei akan bertolak ka-Kuala Lumpur hari ini untuk menghadiri satu persidangan mengenai "Pemodenan Bahasa2 Asia". Perwakilan itu ada-lah terdiri dari Awang Mahmud Bakyr dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan Awang Suni Haji Idris, Nazir Sekolah2 Negara dari Jabatan Pelajaran.

Persidangan itu akan berlangsung dari 29 September hingga 1 Oktober dan di-anjorkan oleh Persatuan Orientalis Malaysia.

Sa-lain dari Brunei, negara2 Asia yang lain juga akan mengambil bahagian termasuk India, Pakistan, Arabia, Jepun, Philipina, Indonesia dan Malaysia.

Dalam persidangan itu, Awang Mahmud akan membentangkan satu kertas kerja yang bertajok "Brunei dan masaalah Bahasa Rasmi".

60 pasokan masoki perlawanan tarek kalat pemilehan ka-peringkat akhir maseh berjalan

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Kebajikan Awang Salleh bin Haji Masri telah mensifatkan kaum belia sebagai tulang belakang negara dan menggesa mereka supaya bekerjasama dengan kerajaan dalam usaha untuk memperbaiki kebajikan raayat.

Ketika berucap kepada 300 orang belia yang mengambil bahagian dalam perlawanan

tarek kalat untuk merayakan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei, Awang Salleh berkata;

Sa-bagai anggota2 pertubohan belia mereka juga bertanggung jawab dalam menolong untuk memperbaiki negara dalam bidang sosial dan ekonomi.

Beliau meminta belia2 su-

paya bersatu padu dan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan.

Enam puluh buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tarek kalat itu.

Perlawanan itu telah di-rasmikan pembukaannya oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Mohamad Ali bin Awang Besar.

Bola Sepak: Brunei kalahkan Sarawak

BANDAR BRUNEI. — Brunei berjaya mengalahkan Sarawak dengan dua gol berbalas satu dalam perlawanan bola sepak sa-chara persahabatan yang telah di-adakan di-padang besar Bandar Brunei pada minggu lalu.

Kedua2 pasokan itu telah bermain dengan baik sepanjang masa dan tidak satu pun yang dapat menembusi kubu pertahanan lawan-nya dalam kebanyakan dari sa-paroh masa pertama.

10 minit sa-belum rehat Suhaili Lani telah berjaya menjaringkan satu gol bagi pasokan Brunei.

Dalam sa-paroh masa kedua Brunei berjaya menjaringkan satu gol lagi. Pasokan Sarawak membalas dengan menjaringkan satu gol dalam sa-paroh masa tersebut.

Perlawanan itu telah disaksikan oleh hampir2 5,000 orang, salah satu kehadiran peminat2 bola sepak yang terbesar di-padang tersebut.

PELUMBA2 SINGAPURA MENANGI PIALA D.Y.M.M.

BERAKAS. — Lim Chin Choon, pelumba kereta go-kart dari Singapura, berjaya memenangi Piala Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan wang tunai \$850 dalam perlumbaan Grand Prix Brunei peringkat antara bangsa yang julong2 kali di-adakan di-Brunei, bertempat di-Berakas.

Dalam perlumbaan yang berlangsung dalam dua bahagian, selama tiga suku jam tiap2 bahagian, Tong Yong Foo dari Seria berjaya mendapat tempat kedua, memenangi sa-buah piala dan hadiah wang tunai \$340, sementara Ray Worthy dari Bandar Brunei mendapat tempat ketiga, memenangi sa-buah piala dan wang tunai \$170.

Lim Chin Choon juga disifatkan sa-bagai pemandu paling berjaya dalam perlumbaan semua kelas, dengan memenangi Piala Utama, apabila dia mendapat tempat pertama dalam perlumbaan bagi kelas lima.

Lim di-ikuti oleh rakan-nya, juga dari Singapura Ronald Goh yang mendapat tempat kedua dan Anthony Loh tempat ketiga.

Peserta Brunei Eric Vennal dari Bandar Brunei mendapat tempat pertama dalam perlumbaan kelas Empat dan sa-orang lagi peserta dari Seria Jeffrey Ng mendapat tempat pertama dalam perlumbaan kelas Tiga.


Stephen Kam dari Singapura berjaya mempertahankan kejohanan-nya sa-bagai pemandu yang paling chepat di-Singapura, sa-telah dia menchatetkan masa 1 minit 30 sa'at dalam satu pusingan sa-jauh per-pulohan 9 batu.

20 orang peserta dari Brunei dan Singapura mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Haji Mohammad, sa-bagai wakil peribadi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.



Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Md. Ali bin Awang Besar selaku Pengerusi Tertinggi Sambutan Perayaan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan sedang melaksanakan pembukaan rasmi perlawanan tarek kalat antara persatuan2 belia, pertubohan2, perniagaan dan pejabat2 kerajaan.



Pelumba2 Go-Kart dari Republik Singapura kelihatan tersenyum riang dengan memeluk piala2 kemenangan mereka. Perkenalan dari kiri ka-kanan ia-lah Stephen Kam, Ronald Goh, Lim Chin Choon dan Anthony Low.

ISTIADAT MENGURNIAKAN BINTANG2 DAN PINGAT2 SEPULOH ORANG DI-ANUGERAHKAN GELARAN DATO

BANDAR BRUNEI. — Pada 23 September, di-Bani Singgahsana, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah melangsungkan satu Istiadat Pengurniaan Bintang2 dan Pingat2 Kebesaran Negeri Brunei kepada 71 orang yang telah memberikan bakti chemerlang mereka kepada Baginda dan negara.

Senarai pengurniaan itu di-dahului dengan pengurniaan Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati, Darjah Pertama kepada Duli2 Wazir Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha, serta ketua cheteria, Yang Amat Mulia, Pengiran Shahbandar Haji Mohamed Salleh.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menaikkan pangkat beberapa orang Dato dan melantek 10 Dato Baru.

Dari Dato2 yang baru itu, Pengiran Ahmad bin Pengiran Anak Luba, Awang Kong Eng Choi, Awang J. R. H. Burns, Lt-Col. H. Burrows, Puan M. Llyod Dolby dan Awang Llyod Dolby telah di-anugerahkan Darjah Paduka Seri Laila Jasa Darjah Kedua (D.S.L.J.).

Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran Haji M. Puteh b. Pengiran Haji Rajid, Pengiran Ahmad ibni Almarhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Md. Yassin dan Awang R. Waddell telah di-anugerahkan Darjah Mahkota Brunei — Darjah Kedua (D.P.M.B.).

Lain2 yang telah di-anugerahkan dengan Bintang2 dan Pingat2 kebesaran Negeri Brunei ia-lah:

P.S.N.B. Darjah Setia Negara — Darjah Pertama: Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Dato Utama, Awg. Haji Mohamad Yusof b. Pehin Jawatan Dalam H. M. Hussein.

D.K. — Darjah Kedua: Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Khamis ibni Almarhom Duli Sultan Hashim.

D.S.L.J. Dato Seri Laila Jasa Darjah Kedua:

Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin bini Al-marhom Duli Pengiran Bendahara Anak Haji Md. Yassin, Yang Berhormat, Pehin Orang Kaya Maharaja Dato Paduka Awg. Haji Abdul Rahman b. Orang Kaya Shahbandar Awang Haji Mohamad Taha, Dr. Dato Paduka P. I. Franks dan Yang Berhormat Dato Paduka Awang Haji Mohamad Jamil bin Pehin Udana Khatib Haji Umar.

Darjah Perwira Negara (pangkat kedua): Private Hamdan bin Amba.

S.L.J. (Darjah Seri Paduka Laila Jasa) Darjah Ketiga: Awang E. W. Williams, Awg. J. E. B. White, Pengiran Jadid bin Pengiran Nasaruddin, Awg. G. V. de Freitas, Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Othman, Pehin Bendahara Haji Awang Taha bin Bakir dan Major S. P. Buttrell.

Darjah Mahkota Brunei (S.M.B.) Darjah Ketiga: Syed Hussein bin Abdullah Alkaff, Awang Jack Turner, Awang B. C. Cartland dan Awang J. L. Firth.

Pingat Omar Ali Saifuddin (Pangkat Pertama): Begawan Mudim Haji Adnan bin Dato Imam Haji Mokti dan Awang Judin bin Asar.

Pingat Omar Ali Saifuddin (Pangkat Kedua):

Awang Ahmad bin Ramli, Haji Abdul Rahman bin Muhammad, Haji Abdul Kadir b. Haji Hassan, Haji Abdul Jalil bin Haji Noor, Dayangku Chuchu binte Pengiran Md. Daud, Awang Ali bin Haji Metassim, Dayang Zaitun binte Johan, Awang Abu Bakar bin Abdul Latiff, Awang Bachi bin Othman dan Awang Mahmud bin Pehin Perbendaharaan Di-Raja, Awang Haji Ali Hussein.

Pingat Jasa Kebaktian:

Awang Abdul Karim bin Pukol, Awang Radin Mas Ismail bin Awang, Awang Md. Tahir bin Metassan, Pengiran Jaluddin bin Pengiran Md. Limbang dan Haji Umar bin Seruddin.

Pingat Kerja Lama:

Awang Suhaili bin Abun, Awang Abdul Hamid bin Penyurat Haji Abu Bakar, Pengiran Tajuddin bin Pengiran Anak Hashim, Awang Abdullah bin Ali Hashim, Awang Abdul Rahman bin Haji Mohd. Jaafar, Orang Kaya Bandar Md. Dayang bin Dato Bandar Haji Tamit, Haji Awg. Ahmad bin Sheikh Ibrahim, Awang Tahir bin Hussein, Awang Jafar bin Sulaiman, Awang Ibrahim bin Serudin, Awang Ladis bin Md. Said, Awang Tuah bin Kapal dan Awang Abdul Karim bin Pukol.

Pingat Perjuangan: Yang Berhormat, Awang R. D. Ross, Abdul Karim bin Pukol, Pengiran Saifuddin bin Pengiran Haji Sulaiman, Dayang M. Kennedy, Yang Berhormat Pengiran, Dato Setia Haji Abu Bakar bin Pengiran Omar, Awang Ibrahim bin Latiff, Awang Jaafar bin Talip, Awg. Tabari bin Balang, Awang Tuah bin Tali dan Awang S. J. Clark.



Gambar atas menunjukkan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dalam kerja2 menyiapkan-nya. Masjid baru ini telah memelan besaran, Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati, Darjah Pertama kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara.



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda kelihatan dalam gambar atas ketika mengalungkan Bintang Kebesaran, Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati, Darjah Pertama kepada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.



Ketua Cheteria, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Haji Md. Salleh kelihatan sedang menerima kalangan Bintang Kebesaran, Darjah Kerabat Yang Amat Di-hormati, Darjah Pertama kurnia dari Paduka Seri Baginda.

Paduka Seri Baginda berangkat ka-Kuala Belait

Belait meriah dengan perayaan2 yang beranika rupa

KUALA BELAIT. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, pagi Ahad lepas telah berangkat ka-Kuala Belait dengan pesawat helikopter, kerana memeriksa satu upacara perbarisan kehormatan, bagi menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-51, di-daerah Belait.

Pasokan barisan kehormatan dalam perbarisan yang berlangsung di-padang KBRC itu ada-lah terdiri dari pasokan Polis dan pasokan pancharam Polis Di-Raja.

Turut mengambil bahagian dalam perbarisan itu ialah empat buah pertubuhan awam, terdiri dari kaki tangan beruniform Jabatan Kastam, Pasokan Palang Merah Pengakap dan Pandu Puteri. Sementara kanak2 sekolah di-kawasan Kuala Belait berdiri mengelilingi kawasan perbarisan.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara, ada-lah yang mula2 tiba di-upachara perbarisan tersebut.

Ini kemudian di-ikuti oleh ketibaan Pemangku Menteri

Besar, Yang Amat Berhormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pgn. Haji Abdul Rahim dan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang F. D. Webber.

Pesawat helikopter yang membawa baginda mendarat di-padang batu satu, di-mana


kemudian-nya baginda berangkat dengan kereta ka-padang KBRC untuk memeriksa dan menerima tabek kehormatan pada jam 9-30 pagi.

Selesai perbarisan, kanak2 sekolah berhimpun di-padang kerana pertunjukkan senaman dan tarian2.

Pesta2 perayaan di-Kuala

Belait pada hari itu ada-lah meliputi satu sokan laut di-perayaan Sungai Belait, perlawanan tennis antara wilayah di-Seria dan pertunjukkan kebudayaan serta anika warna di-padang KBRC.

Di-sebelah malam di-adakan satu perarakan kenderaan berchuchol di-peraveran sungai



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan kelihatan sedang memeriksa barisan kehormatan di-upachara perbarisan yang di-langsungkan di-Padang KBRC, Kuala Belait pada hari Ahad lepas.

Paduka Seri Baginda berseru gandakan tenaga untuk kemajuan

(Dari muka 1)

dan kewajipan raayat demi kepentingan dan kebaikan mereka untuk mengekalkan dan mempertahankan keselamatan negara.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Al-Sultan telah melahirkan ucapan terima kasih Baginda yang tidak terhingga kepada Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pasokan Polis Di-Raja Brunei dan Pasokan Keselamatan British yang berkhidmat di-negeri ini dan juga kepada pihak2 yang lain yang bertanggung-jawab tentang keselamatan dan keamanan dalam negeri.

TERIMA KASEH

Baginda turut juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai2 kerajaan dan raayat jelata yang telah memberikan khidmat kepada orang ramai sa-panjang tahun ini.

Baginda berharap bahawa dengan keutuhan ekonomi, Brunei akan dapat mempertahankan keselamatan dan nama-nya yang harum yang amat diperlukan dalam usaha untuk mencapai kema'aman.

Kerumitan2 yang di-hadapi oleh Kerajaan dalam melaksa-

nakan projek2 perkembangan ada-lah berbangkit dari kekurangan pegawai2 dan pakar2 teknikal yang berpengalaman.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Al-Sultan kemudian-nya telah menarik perhatian umum tentang rancangan jangka panjang kerajaan untuk melateh anak2 tempatan.

UCHAPAN2 TAHNIAH

Baginda menggesa beliau2 yang telah berkelulusan supaya menambahkan ilmu pengetahuan mereka dan kanak2 sekolah supaya belajar dengan bersungguh2 untuk membolehkan mereka menunaikan tanggung-jawab mereka dengan memuaskan demi kejayaan mereka dan orang ramai.

Terdahulu dari itu, Baginda telah menerima persembahan ucapan2 tahniah dari orang2 kenamaan di-antara-nya Pemangku Menteri Besar Yang Amat Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pemangku Menteri Besar telah melafadzkan ikrar sum-pah ta'at setia yang tidak melilseh setitek pun dari pegawai2 Kerajaan dan raayat jelata.

Y. T. M. DULI PENGIRAN MUDA MUHAMMAD BOLKIAH DI-ANUGERAHKAN GELARAN "DULI PENGIRAN TEMANGGONG"

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah akan menerima anugerah gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar dalam satu istiadat yang akan di-langsungkan pada 29 September, 1967 di-Istana Darul Hana.

Kenyataan Kerajaan menyatakan bahawa Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah berkenan bagi menganugerahkan gelaran itu kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah.

"Baginda dengan limpah kurnia dan sukachita akan menganugerahkan gelaran kepada Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah sa-bagai "Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar".

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah ia-lah putera kedua kepada Duli2 Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda dan Raja Isteri. Yang Teramat Mulia itu telah di-puterakan pada 27 Ogos, 1947.

Perlantekan ka-atas Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah sa-bagai Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibul Bahar itu akan dapat menghidupkan kembali gelaran Di-Raja Brunei yang bersejarah itu. Gelaran tersebut telah tidak di-anugerahkan sejak tahun 1885.

Perlantekan itu akan meninggikan kedudukan Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Muhammad Bolkiah ka-taraf Duli Wazir.

Walau bagaimana pun, Yang Teramat Mulia itu akan di-tempatkan dalam susunan Duli2 Wazir sa-lepas Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.